

SABTU, 9 APRIL 2016 (1 REJAB 1437)

IKUTI KAMI DI



Berita Harian
Singapura



@BeritaHarianSG



22

15 syarikat, badan diiktiraf amalkan cara kerja adil

SEBANYAK 15 syarikat dan pertubuhan diiktiraf sebagai Majikan Contoh oleh Perikatan Tiga Pihak bagi Amalan Pekerjaan yang Adil (Tafep) dalam satu majlis semalam.

Antara syarikat dan pertubuhan yang menerima anugerah itu ialah American Club, Aviva dan Sekolah Rendah West Spring.

American Club turut menerima penghargaan istimewa bagi membina sebuah budaya tempat kerja yang inklusif.

Aviva dan Sekolah Rendah West Spring pula menerima penghargaan istimewa bagi menyokong amalan pekerjaan adil dan progresif.

Dalam majlis anugerah di Hotel Grand Copthorne Waterfront semalam

itu, DBS Bank turut memenangi satu anugerah baru yang diperkenal iaitu Anugerah I-Future.

Anugerah itu mengiktiraf pertubuhan yang mengamalkan strategi menyeluruh dan progresif demi bersiap sedia bagi tenaga kerja masa depan.

Jumlah penerima anugerah tahun ini merupakan yang tertinggi sejak anugerah itu dimulakan pada 2010.

Jumlah penerima tahun ini meningkat meskipun terdapat kriteria penilaian lebih ketat dan sekitaran perniagaan mencabar, jelas Tafep.

Proses penilaian termasuk mengunjungi syarikat dan pertubuhan serta mewawancara pekerja, pengurusan kanan dan wakil sumber manusia.

Pengerusi Bersama Tafep dan Naib

ANUGERAH MAJIKAN CONTOH TAFEP



AMALAN ADIL DIHARGAI: Para pemenang Anugerah Majikan Contoh Tafep menerima trofi masing-masing dan bergambar bersama tetamu terhormat Encik Lim Swee Say dalam satu majlis di Hotel Grand Copthorne Waterfront semalam. — Foto ZAOBAO

Presiden Persekutuan Majikan Nasional Singapura (SNEF), Encik Douglas Foo, berkata:

"Pencapaian mereka menunjukkan secara positif sejauh mana kita telah berjaya dari segi membina tempat kerja yang adil, inklusif dan progresif yang memberi manfaat kepada pertubuhan dan kakitangan mereka."

"Saya menggalakkan lebih ramai majikan supaya bekerjasama dengan Tafep untuk mencipta tempat kerja yang menghargai kepelbagaiannya dan memupuk pembangunan kekuatan dan keupayaan berbeza."

Menteri Tenaga Manusia, Encik Lim Swee Say, yang hadir di majlis itu sebagai tetamu terhormat, berkata majikan perlu melabur dalam modal manusia selain melabur dalam teknologi, automasi untuk mempertingkat persinggan.

"Hasil yang diinginkan adalah membantu pekerja menjadi bahagia, sihat, produktif dan penuh azam (H2P2).

"Syarikat yang mempunyai pekerja H2P2 akan melakukan yang lebih baik. Mereka boleh menarik dan mengekalkan pekerja baik dan kekal bersaing," ujar beliau.

Aduan diskriminasi di tempat kerja berkurangan

KES aduan mengenai diskriminasi di tempat kerja berkurang daripada tahun lalu, namun layanan utama yang diberi kepada warga asing kekal sebagai rungutan utama pekerja Singapura bagi lima tahun berturut-turut.

Ia membentuk sepertiga daripada 213 kes aduan yang dibuat tahun lalu bersama pengawas antidiskriminasi nasional.

Perikatan Tiga Pihak bagi Amalan Pekerjaan yang Adil (Tafep) mendedahkan bahawa aduan yang dibuat tahun lalu turun 18 peratus daripada 2014 dan adalah kurang daripada separuh 475 kes rungutan yang dibuat pada 2013.

Tafep tidak mendedahkan perincian mengenai jenis aduan yang dibuat, namun berkata satu daripada

setiap enam kes adalah mengenai kaum, bahasa atau agama, sementara lagi satu daripada enam kes adalah berkaitan usia.

Menteri Tenaga Manusia, Encik Lim Swee Say, yang hadir di majlis Anugerah Majikan Contoh Tafep semalam, berkata:

"Sedang kita mengubah ekonomi kita supaya tidak terlalu bergantung pada tenaga manusia, majikan harus memberi tumpuan kepada membangunkan dan memupuk modal insan – pekerja – dan menggunakan amalan tempat kerja yang adil dan progresif demi mengubah dan berkembang dalam ekonomi masa depan."

Sebanyak 15 syarikat menerima anugerah di majlis yang diadakan di Hotel Grand Copthorne Waterfront itu.